



## **KENYATAAN MEDIA PEJABAT PERDANA MENTERI**

Pejabat Perdana Menteri ingin mengulas beberapa laporan akhbar yang menyatakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu telah menolak pemakaian Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750].

Ingin ditegaskan, adalah menjadi pendirian Kerajaan Persekutuan bahawa Akta 750 telah dibuat dan diluluskan oleh Parlimen secara sah di sisi Perlembagaan Persekutuan.

Tujuan Akta 750 ini digubal adalah bagi mengadakan peruntukan mengenai laut wilayah Malaysia dan memelihara keutuhan sempadan wilayah dan hak kedaulatan Malaysia serta bagi menjamin keutuhan keselamatan dan integriti wilayah.

Penggubalan Akta 750 juga adalah bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)).

Walaupun DUN Terengganu telah membuat keputusan menolak pemakaiannya, namun ia masih sah dan terpakai di seluruh

Malaysia termasuk di Negeri Terengganu, melainkan ia diisytiharkan sebaliknya oleh mahkamah.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk memastikan hak kedaulatan Malaysia termasuk perairan Malaysia sentiasa dilindungi.

Selaras dengan nilai-nilai Malaysia MADANI, sekali lagi dinyatakan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan peruntukan pembangunan kepada semua negeri termasuk Terengganu.

**PEJABAT PERDANA MENTERI**

27 April 2024